

Pengurusan cekap dalam perniagaan penting — Mahathir

30 DEC 1990

ALUR SETAR 29 Dis. — Kerajaan tidak akan dapat menolong kaum bumiputera dalam perniagaan walaupun dengan melaksanakan satu dasar yang luar biasa baik, jika mereka tidak mempunyai kecekapan dalam pengurusan dan tidak amanah, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, kedua-dua elemen itu penting kepada peniaga dan pengusaha bumiputera sekiranya mereka mahu berjaya.

Di samping itu, mereka juga perlu mempunyai sifat keusahawanan dan berpengetahuan tentang bagaimana hendak memulakan perniagaan, katanya semasa merasmikan mesyuarat agung Dewan Perniagaan dan Perdagangan Melayu Malaysia di sini hari ini.

Merujuk kepada kegagalan pencapaian matlamat DEB, beliau

berkata orang-orang Melayu sudahpun disediakan dengan berbagai kemudahan seperti modal, tempat, lesen dan berbagai lagi bagaimanapun mereka gagal juga.

"Kita beri AP kepada orang Melayu untuk berniaga kereta tetapi mereka tak berniaga kereta sebaliknya mereka berniaga AP," ujarnya disambut gelak ketawa para hadirin.

Serentak itu beliau bertanya "sikap tidak amanah ini merugikan siapa, menguntungkan siapa, siapa yang buat dasar dan siapakah patut dipersalahkan?"

Katanya, ada orang menyalahkan kerajaan kerana membuat dasar untuk orang Melayu tetapi sebenarnya kegagalan sesuatu dasar itu ialah kerana orang Melayu tidak cekap dan tidak amanah dalam pelaksanaan dasar berkenaan.

Sehubungan itu Perdana Menteri menegur mereka yang berhutang dengan MARA tetapi tidak mahu membayar balik kerana menganggap MARA hak kepunyaan orang Melayu.

Namun begitu kerajaan tetap akan merangka dasar ekonomi yang akan memberi keseimbangan pemilikan kekayaan negara yang saksama antara bumiputera dan bukan bumiputera di negara ini dengan berakhirnya DEB.

"Pada dasar baru ini kita tidak akan menghadkan tempoh pencapaian kerana kita berpendapat biar lambat dicapai tetapi selamat, berbeza dengan DEB di mana dalam tempoh 20 tahun kita hanya berjaya mencapai 1/3 dari matlamatnya."

"Dan pada kali ini kerajaan tidak akan memberi peluang kepada sesiapa sahaja sebaliknya memastikan hanya mereka yang berkebolehan mengurus dan beramanah akan diberi peluang."

"Biarlah ada orang yang akan mengatakan kerajaan bersikap keras tetapi itulah caranya untuk mendidik dan menguji bumiputera yang cekap dan mampu untuk melaksanakan kontrak yang diberikan," katanya.

Mereka yang terpilih juga akan dikehendaki menjalani latihan dan sekiranya enggan mereka tidak akan diberi peluang kontrak.

Di majlis itu Perdana Menteri diberi penghormatan menyampaikan cek bernilai \$20,000 sumbangan DPPMM sebagai pembayaran yuran peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran anak-anak ahli dewan. Cek itu disampaikan kepada Pengarah Pendidikan Negeri Kedah, Encik Hashim Mydin.